

17 FEB 2000

Mahathir-Pengangkutan udara

MAHATHIR GESA PENGGABUNGAN INDUSTRI PENGANGKUTAN UDARA

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa supaya industri pengangkutan udara tempatan digabungkan untuk menghadapi cabaran masa depan.

Langkah sedemikian, adalah tepat pada masanya, kerana industri itu dijangka berhadapan dengan perubahan pesat hasil daripada peningkatan globalisasi dan liberalisasi dalam tempoh beberapa tahun akan datang, katanya.

Untuk makmur dalam abad ke-21, ejen penghantaran dan syarikat penerbangan tidak lagi hanya terbabit dalam operasi pengangkutan kargo tetapi menawarkan pakej perkhidmatan yang menyeluruh membabitkan gudang dan pengurusan inventori barangan selain perkhidmatan penghantaran dari pintu ke pintu.

Dengan berkembangnya perniagaan, syarikat-syarikat penerbangan dan ejen pengangkutan mungkin perlu mencari rakan kongsi strategik dalam rangkaian pengangkutan dan logistik yang membuka ruang kepada penggabungan dalam industri pengangkutan udara termasuk pengusaha bukan tradisi.

"Jika keadaan itu berlaku, adalah tepat dan relevan bagi masyarakat pengangkutan bekerja bersama-sama untuk menggabungkan sumber-sumber dan operasi," katanya semasa merasmikan persidangan pengangkutan udara 2000 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata penggabungan industri pengangkutan kargo Malaysia akan memberi manfaat kepada semua pihak dengan para pengusahanya mendapat keuntungan hasil pandangan jauh mereka manakala para pelanggan akan menikmati kadar dan perkhidmatan yang lebih baik.

"Kerajaan yakin bahawa penggabungan seperti itu akan meningkatkan lagi daya saing kita dalam pasaran baru di Asia Pasifik dan seterusnya," katanya.

Merujuk kepada penggabungan syarikat-syarikat perkapalan dan pengangkutan kini dengan sokongan penuh kerajaan, Dr Mahathir berkata ejen pengangkutan tempatan bukan sahaja perlu mengikuti langkah itu tetapi juga patut menimbang menjadi rakan kongsi mereka.

Ini akan membolehkan mereka menjadi syarikat-syarikat pelbagai modal atau syarikat pembekal menyeluruh logistik menghubungkan darat, laut dan pengangkutan udara.

Perdana Menteri juga berkata satu lagi pembangunan penting yang mungkin mendatangkan impak kepada industri itu ialah penggabungan bahagian kargo syarikat-syarikat penerbangan.

Meskipun perkembangan baru ini membabitkan hanya sebilangan kecil syarikat penerbangan, manfaat dalam hubungan seperti itu akhirnya menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan lain menyertai usaha terbabit.

"Dalam tempoh terdekat, saya tidak akan terkejut melihat dua rakan kongsi penerbangan global terkemuka yang sedia ada, menyatukan sumber-sumber mereka untuk bersaing secara lebih berkesan dengan syarikat-syarikat seperti Federal Express, DHL dan United Parcel Service, yang berkembang daripada syarikat kurier menjadi pendahulu perkhidmatan bersepadu pengangkutan udara."

"Industri pengangkutan udara dijangka menyaksikan persaingan lebih hebat antara syarikat-syarikat penerbangan tradisional dan penggabungannya kerana mereka beralih menjadi pembekal perkhidmatan logistik," katanya.

Dr Mahathir juga memuji Penerbangan Malaysia (MAS) kerana melaksanakan program pembesaran yang membolehkan anak syarikatnya, MASKargo, beralih

menjadi pembekal perkhidmatan logistik.

Program itu termasuk mengenalpasti pusat-pusat kargo di pasaran utama dan menghubungkan mereka dengan Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang bagi membentuk rangkaian logistik baru selain mewujudkan rakan kongsi strategik dengan syarikat-syarikat penerbangan, pembekal perkhidmatan logistik dan syarikat-syarikat trak.

"Sebagai tambahan, MASKargo telah menambah sekali ganda keupayaan pengangkutannya daripada dua kepada lima pesawat B747 November lepas," katanya.

Dr Mahathir berkata MAS meramalkan saiz pengangkutan MASKargo akan bertambah tiga kali ganda kepada 14 pesawat B747 menjelang 2003 atau 2004, yang akan menyediakan kemudahan kapasiti dan kekerapan kargo yang sangat diperlukan di lapangan terbang berharga RM10 bilion yang serba canggih itu.

-- BERNAMA

AD MR LAT RON